



**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR**

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024**

**SUNGAI TEBRAU, JALAN BAYU PUTERI 2, JOHOR BAHRU
21 SEPTEMBER 2024 (SABTU)**

Bismillahirrahmanirrahim

(Salutasi)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

PENDAHULUAN

Pada hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, dapat kita berkumpul pada hari ini bagi menjayakan **Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024** di Sungai Tebrau, Johor Bahru.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan tinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada **Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar wakil rasmi Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor**, yang sudi melapangkan masa untuk bersama-sama kita pada hari ini.
3. Kehadiran YB EXCO Johor menunjukkan komitmen Kerajaan Johor dalam pemuliharaan dan kelestarian sungai bagi mendukung ekosistem yang mampan.

SUNGAI DALAM KEHIDUPAN

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Sungai merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia serta memainkan peranan utama dari sudut ekologi, ekonomi, sosial, dan budaya. Sebagai sumber air utama, sungai menyediakan air bersih untuk keperluan harian seperti minuman, pertanian, perikanan dan industri.

5. Hubungan antara sungai dan manusia telah terjalin dan wujud sejak awal kehidupan manusia lagi. Sungai memainkan peranan penting dalam pembangunan tamadun serta membawa makna rohani yang mendalam di kalangan masyarakat di luar negara. Ada yang menganggap sungai sebagai simbol kehidupan, kesucian, kelahiran semula dan penyembuhan rohani.

6. Dalam Islam, air sungai adalah salah satu sumber air bersih yang digunakan untuk berwuduk dan membersihkan diri sebelum beribadat. Secara keseluruhannya, sungai membawa makna yang lebih daripada sekadar sumber fizikal, malah menyatukan nilai-nilai tradisi, spiritual, dan sosio-ekonomi, serta mengekalkan hubungan mendalam antara manusia dan alam sekitar.

TEMA SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA

7. Hari Sungai Sedunia disambut setiap tahun pada Ahad keempat bulan September untuk meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya sungai dan sumber air bersih di seluruh dunia. Hari Sungai Sedunia ini memberi tumpuan kepada perlindungan ekosistem sungai, pemuliharaan air, dan usaha untuk mengurangkan pencemaran. Tema **“Sungai dan Alur dalam Komuniti Kita”** atau **“Rivers and Streams in Our**

Communities” merupakan satu frasa yang menekankan sinergi antara semangat kesedaran dan kebersamaan komuniti setempat untuk melestarikan sungai kurniaan Tuhan.

8. Tema ini mengajak kita untuk lebih menghargai peranan sungai dalam menyediakan sumber air bersih, menyokong biodiversiti, serta memberi kesan positif terhadap ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Sambutan pada hari ini merupakan platform terbaik untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan sungai dan menekankan konsep sungai sebagai nadi kehidupan. Kita perlu memastikan sungai terus kekal bersih, sihat, dan mampu menyokong kesinambungan hidup generasi akan datang.

JOHOR SEBAGAI TUAN RUMAH SAMBUTAN HSS PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Johor kerana sudi untuk menjadi Tuan Rumah bagi Sambutan Hari Sungai Sedunia pada tahun ini. Pemilihan Sungai Tebrau sebagai lokasi sambutan adalah bagi memberi kesedaran kepada masyarakat setempat akan kepentingan sungai bukan sahaja sebagai sumber air malah sebagai tempat rekreasi dan juga sumber ekonomi penduduk setempat.

10. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih atas inisiatif Johor Bersih yang sedang dilaksanakan yang saya percaya dapat mengembalikan semula keindahan Sungai Tebrau. Marilah kita bersama-sama berganding bahu memelihara dan mengembalikan semula

keindahan dan kejernihan air Sungai Tebrau ini demi kepentingan semua terutama untuk generasi akan datang.

ISU PENCEMARAN SUNGAI

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Sebagai rakyat Malaysia, seharusnya kita bersyukur kerana negara kita mempunyai 189 lembangan sungai utama meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang mana sebanyak 20 lembangan sungai utama ini adalah di dalam Johor.

12. Walau bagaimanapun, senario terhadap pencemaran sungai dilihat seperti tiada kesudahan. Saban tahun ada sahaja isu pencemaran yang dilaporkan. Berdasarkan laporan Jabatan Alam Sekitar, terdapat 25 sungai di Malaysia didapati telah tercemar dan diklasifikasikan sebagai Kelas Tiga dan Empat dalam Pengkelasan Indeks Kualiti Air (IKA). Punca utama pencemaran adalah daripada pelbagai sumber seperti tapak pelupusan sampah haram, aktiviti kilang / premis / setinggan, aktiviti yang tidak tertakluk kepada *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan juga sikap masyarakat yang suka membuang sampah di merata-rata tempat terutama di kawasan berhampiran sungai.

13. Sehubungan dengan itu, perkara ini perlulah diberi perhatian oleh semua pihak supaya tanggungjawab menjaga dan menghargai khazanah alam semula jadi iaitu sungai atau alur air ini menjadi tanggungjawab bersama agar sumber air dan alam sekitar terjaga dan terpelihara.

PENDEKATAN PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU (*INTEGRATED RIVER BASIN MANAGEMENT - IRBM*)

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Untuk memastikan sumber air diuruskan dengan baik, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memperkenalkan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management - IRBM*). IRBM merupakan kaedah terbaik yang memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan bagi mencapai objektifnya iaitu *Memastikan Air Mencukupi, Memastikan Air Bersih, Mengurangkan Risiko Banjir dan Meningkatkan Pemuliharaan Alam Sekitar*.

15. Bagi Johor, terdapat lapan (8) Pelan IRBM yang telah disiapkan oleh JPS iaitu melibatkan Lembangan Sungai Tebrau, Sungai Skudai, Sungai Pulai, Sungai Batu Pahat, Sungai Sedeli Besar, Sungai Mersing, Sungai Pontian Besar dan Sungai Johor. Manakala dua (2) Pelan IRBM lagi dalam pelaksanaan iaitu bagi Lembangan Sungai Muar dan Sungai Endau yang akan siap pada tahun 2025.

16. Diharapkan dengan pemakaian dan pelaksanaan pelan IRBM secara holistik oleh Kerajaan Johor, pengurusan sumber semula jadi di lembangan sungai dapat diuruskan secara lebih terancang dan efisien demi memastikan pembangunan yang mampan dan lestari.

PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN (DSK)

Hadirin yang saya hormati sekalian,

17. PETRA amatlah menggalakkan pembabitan berterusan komuniti setempat, badan bukan kerajaan (NGO) dan badan korporat dalam program Denai Sungai Kebangsaan (DSK). Pelaksanaan program DSK secara tidak langsung membolehkan orang ramai membantu kerajaan sebagai mata dan telinga untuk melaporkan sebarang aktiviti pencemaran sungai. Program DSK dapat menyemai rasa kebertanggungjawaban dan rasa kepunyaan iaitu *sense of belonging* kita terhadap sungai.

18. Untuk itu, bagi Johor, Kementerian Kewangan telah memperuntukkan RM1.05 juta di bawah Inisiatif Belanjawan 2024 untuk pembinaan Denai Sungai Kebangsaan di Taman Impian Emas, Johor Bahru; di Parit Kassim, Muar; dan di Kampong Permatang Duku, Tangkak.

19. Dengan adanya Denai Sungai Kebangsaan ini, lokasi-lokasi tersebut diharapkan akan menjadi tempat tumpuan dan tarikan kepada pengunjung untuk beriadah dan melakukan pelbagai aktiviti lain yang berpotensi untuk menjana ekonomi setempat seperti eko pelancongan dalam menyokong pembangunan Kerajaan Negeri.

PROJEK PERSEKUTUAN DI JOHOR

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

20. PETRA menekankan kepada pelaksanaan projek pembangunan dalam pengurusan air yang mana sehingga RP4 Tahun 2024 RMKe-12, PETRA telah diluluskan 30 projek berkaitan air di Johor meliputi 11 projek sambungan dan 19 projek baharu dengan kos projek sebanyak RM4.99 bilion.

21. Projek-projek yang diluluskan ini merangkumi projek tebatan banjir, penyaluran air mentah, pembinaan takungan air pinggiran sungai dan baraj, naik taraf empangan, naik taraf loji rawatan kumbahan, kawalan hakisan pantai, serta pemuliharaan sungai dan muara sungai. Kerajaan Persekutuan yakin dengan siapnya keseluruhan projek pelbagai skop ini akan dapat mengatasi dan mengurangkan isu bencana air serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan bekalan air dan pembedungan yang akan memberi impak yang positif kepada penduduk Johor.

22. Saya juga ingin mengajak semua Jurutera Daerah di seluruh negara untuk aktif memanfaatkan platform media sosial masing-masing bagi mempromosikan dan berkongsi maklumat terkini mengenai usaha mereka dalam melaksanakan projek pembangunan berkaitan sumber air. Melalui perkongsian ini, masyarakat akan lebih peka mengenai inisiatif yang diambil oleh Kerajaan demi meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Langkah ini diharapkan dapat memupuk kesedaran orang ramai mengenai kepentingan projek-projek ini serta membina keyakinan terhadap komitmen kerajaan dalam memastikan kesejahteraan masyarakat.

PENUTUP

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

23. Besar hasrat dan tinggi harapan saya untuk melihat gerak kerja yang bersepadu dan berterusan dari setiap peringkat agensi dan masyarakat terutama di peringkat Persekutuan dan Negeri dalam memastikan sungai dan alur air kita terjaga dan terpelihara.

24. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada penganjur Majlis Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 Peringkat Persekutuan dan Johor dalam menjayakan majlis pada hari ini.

25. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan **SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024.**

Sekian,

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.